

## **Pendidikan Nilai Dan Pembangunan Warganegara Menerusi Pendekatan Pengajaran Di Bilik Darjah**

Ismail Jusoh

This paper is about the concepts of values and values education and the relationship between values education and citizenship development. The first part of the paper discusses the concept of values as perceived by some writers. The second part discusses some of the findings based on a survey conducted to elucidate the understanding of the concept by some student teachers. This exercise was performed by asking the students words that they used to define values or any other words which were associated with values. Comparison between male and female perception of values was computed. Finally a model to inculcate values through classroom teaching is presented.

### **Pendahuluan**

Pendidikan nilai adalah sebahagian daripada elemen yang menjadi asas dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Pendidikan nilai menjadi fokus penting setelah Kementerian Pendidikan melaksanakan Falsafah Pendidikan Negara ke dalam kurikulum pendidikan. Ramai anggota masyarakat mula mencari dan meneliti makna pendidikan nilai terutama mereka yang mempunyai kaitan langsung dengan sistem pendidikan (guru, pensyarah dan ibu bapa). Oleh itu kertas kerja ini bertujuan membincang pendidikan nilai dan hubungannya dengan pembangunan warganegara dengan harapan penulisan ini menjadi salah satu sumber inspirasi untuk memahami konsep yang penting ini.

### **Pendidikan Nilai dan Kefahaman Semasa**

Daripada pengalaman penulis sendiri terdapat kekeliruan dan ketidakfahaman konsep penerapan nilai di kalangan guru sekolah dan guru pelatih di institusi pendidikan guru. Semasa penyeliaan latihan mengajar di salah sebuah institusi pendidikan latihan guru tempatan, penulis mendapati guru pelatih kurang melaksanakan penerapan nilai mengikut hasrat Falsafah Pendidikan Negara (Ismail Jusoh, 1992). Apabila ditanya kebanyakan mereka melahirkan rasa kekeliruan dan kurang jelas tentang konsep penerapan nilai. Jadi penulis merasakan perlu memberi penjelasan yang betul tentang konsep ini supaya semua pihak memahami dan menyedari tujuan dan cara pendidikan nilai sepatutnya dijalankan.

Terdapat lima teori tentang pengajaran nilai dikemukakan oleh penulis-penulis dari Barat. Teori-teori tersebut ialah:

- (i) Teori Kohlberg
- (ii) Teori Piaget
- (iii) Teori Harvey, Hunt dan Schroder
- (iv) Teori Personaliti Frued
- (v) Teori Erikson.

dalam penjelasan (teori) pendidikan nilai yang mereka utarakan. Sebagai contoh, Teori Harvey, Hunt dan Schroder menyatakan bahawa semua jenis dan bentuk pembelajaran, termasuk pembelajaran nilai memerlukan kematangan pemikiran konseptual untuk memahami konsep-konsep abstrak, simbol-simbol dan rajah-rajah (Sufean Hussin, 1989). Demikian juga Teori Kohlberg menganjurkan supaya pembentukan nilai-nilai sosial dan pribadi yang baik adalah proses rasional (akal) dan emosional (perasaan, emosi dan nafsu) dimana pembentukan dan perkembangan kemahiran mencari maklumat (akal), mengumpul maklumat (akal), menyusun maklumat (akal), menterjemah dan menganalisis maklumat (akal) merupakan saluran bagi mencapai pembelajaran nilai yang berkesan (Sufean Hussin, 1989).

Oleh itu penulis berpendapat teori-teori pendidikan nilai dari Barat itu belum lengkap sekiranya tidak memasukkan aspek kerohanian dalam proses pendidikan nilai. Satu pendekatan alternatif perlu dikemukakan.

Seterusnya penulis mencadangkan pendidikan nilai ini mestilah bertitik tolak daripada kefahaman konsep insan atau manusia (yang menjadi warganegara). Ramai penulis mencadangkan teori pendidikan nilai berdasarkan konsep insan yang mereka pegang. Rata-rata mereka melihat insan terdiri daripada tiga komponen utama iaitu komponen intelek, komponen emosi, dan komponen jasmani. Untuk menjelas kenyataan ini penulis membuat tinjauan ke atas hasil penulisan beberapa orang penulis tentang nilai atau yang berkaitan dengan nilai. Keputusan kajian ini ditunjukkan dalam jadual berikut (Jadual 1);

Jadual 1: Definisi Nilai atau Manusia Mengikut Ahli Psikologi dan Ahli Falsafah (Sumber - Nor Anisah, 1992 dan Sufean Hussin, 1989)

Penulis	Tahun	Istilah Dalam Definisi Nilai atau Manusia			
		Intelek	Emosi	Jasad	Rohani
Taylor	1961	*		*	
Mukerjee	1965	*	*	*	
Allport	1961	*		*	
Williams	1968	*	*	*	
Rescher	1969	*	*	*	
Rokeach	1973	*	*	*	
Hull	1943	*	*	*	
Maslow	1971	*	*	*	

Jadual di atas disediakan dengan cara meneliti dan mengkaji definisi atau keterangan mengenai nilai atau mengenai manusia (insan) oleh penulis-penulis (ahli psikologi atau falsafah). Sebagai contoh, Taylor (dalam Sufean Hussin, 1989) menyatakan nilai ialah darjah normatif dan peraturan kerana ia menjadi asas pegangan yang mempengaruhi fikiran manusia semasa membuat pertimbangan dalam menentukan cara dan gaya bertindak serta bertingkah laku sebaik-baiknya untuk mengekalkan kesejahteraan diri. Dalam penjelasan tersebut Taylor menggunakan istilah pemikiran, gaya bertindak dan bertingkah laku. Istilah-istilah ini dianggap sebagai atribut kepada komponen intelek (akal) dan jasmani (jasad). Oleh itu kedua-dua istilah tersebut ditandakan (\*) dalam jadual (lihat Jadual 1). Idea-idea tentang istilah (definisi) nilai dari penulis-penulis lain boleh dirujuk dalam buku Sufean Hussin (1989), muka surat 1-3.

Analisis jadual di atas menunjukkan kesemua penulis dalam kajian ini mendefinisikan (atau menerangkan) bahawa nilai ialah hal-hal yang berkaitan dengan akal (kadang kala disebut motif), jasad (perlakuan) dan juga emosi (atau keinginan, perasaan dan nafsu). Oleh itu mereka tentulah mengesyorkan corak pendidikan nilai yang hanya memenuhi keperluan bidang-bidang yang mereka lihat sahaja. Mereka gagal melihat bidang kerohanian yang juga amat penting dalam pembangunan insan (warganegara) yang seimbang dan harmonis.

### **Pendapat Calon Diploma Pendidikan**

Penulis juga membuat satu tinjauan ringkas tentang pemahaman konsep insan atau manusia di kalangan para pelajar di salah sebuah universiti tempatan. Sampel kajian terdiri daripada calon yang mengikuti Kursus Diploma Pendidikan. Mereka mempunyai ijazah pertama dalam bidang sains (bermajor sama ada dalam Kimia, Fizik, Biologi atau Matematik). Jumlah calon yang terlibat dalam kajian ini ialah 100 orang. Kajian ini dilakukan pada 20 Julai 1993, iaitu semasa para calon menghadiri kuliah pertama kursus yang ditawarkan dalam Program Diploma Pendidikan, di salah sebuah institusi pendidikan guru tempatan. Sampel diminta memberi definisi insan atau manusia dan soalan yang ditanyakan itu ditulis seperti berikut;

Dengan perkataan atau gambarajah jelaskan makna perkataan manusia atau insan.

Jawapan-jawapan yang diterima dilakukan analisis mengikut prosedur seperti berikut ;

1. Menyediakan Jadual Senarai Semak Istilah Utama (JSSIU). Jadual ini diguna untuk menyemak istilah-istilah utama (rohani, akal, emosi dan jasmani) yang dinyatakan oleh penjawab (lihat Jadual 2).
2. Membaca setiap jawapan penjawab dan mengisinya dalam jadual JSSIU.
3. Mengira kekerapan (dalam peratus) jumlah istilah yang dinyatakan oleh pejawab dalam JSSIU.

Selanjutnya, keputusan kajian dilaporkan dalam jadual di bawah;

Jadual 2 : Peratus Respon Penjawab Mengenai Definisi Manusia

Penjawab	Istilah yang digunakan oleh penjawab			
	Rohani	Intelek	Jasmani	Emosi
Keseluruhan (N = 100)	10% (10)	98% (98)	97% (97)	25% (25)
Lelaki (N = 11)	18% (2)	73% (8)	91% (10)	45% (5)
Wanita (N = 89)	8% (7)	94% (84)	98% (87)	22% (20)

Sebagaimana yang dijangkakan, respon penjawab tidak jauh berbeza dengan pendapat yang diberi oleh penulis-penulis (dalam Jadual 1) tentang makna istilah manusia atau insan perhatian: pendapat para penulis mengenai manusia ditafsirkan daripada definisi nilai yang dinyatakan oleh mereka). Kajian ini menunjukkan 98% calon Diploma Pendidikan (penjawab) mendefinisikan manusia itu terdiri daripada komponen akal. Sedangkan 97% daripada keseluruhan penjawab menyatakan manusia terbina daripada komponen jasad dan hanya 25% menyatakan manusia terdiri daripada bahagian emosi. Kajian ini juga menunjukkan bahawa 10% penjawab sahaja menyedari yang manusia terdiri daripada bahagian roh. Analisis jawapan mengikut jantina juga dibuat dan keputusan yang diperolehi menunjukkan perbezaan respon di kalangan jantina (lihat Jadual 2).

Apabila dikaji secara terperinci, kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang agak ketara mengenai pendapat penjawab tentang domain rohani. Hanya 8% penjawab wanita menyedari manusia terdiri dari komponen roh berbanding dengan responden lelaki, 18%. Peratus penjawab lelaki berhubung dengan manusia terdiri dari komponen emosi lebih tinggi daripada penjawab wanita, iaitu lelaki sebanyak 45% dan wanita sebanyak 22%. Oleh sebab penulisan ini tidak bertujuan memberi jawapan kepada perbezaan tersebut, maka penulis belum bersedia mencadangkan sebarang alasan berhubung dengan perbezaan respon di kalangan jantina. Fokus kajian ini hanyalah untuk melihat atau meninjau tentang pendapat subjek mengenai istilah insan sahaja. Kajian lanjut perlu dibuat untuk mencari faktor-faktor yang menyebabkan perbezaan di atas.

Berdasarkan hasil kajian di atas bolehlah dibuat rumusan bahawa pendapat penjawab tentang definisi istilah manusia tidak seragam. Ini bermakna terdapat sebahagian penjawab tidak menyedari manusia juga terdiri daripada domain roh (selain daripada bahagian akal, jasad dan emosi). Oleh itu semua bakal-bakal pendidik, ibu bapa dan ahli masyarakat seluruhnya perlu diberi kefahaman dan kesedaran yang tepat tentang Falsafah Pendidikan Negara dan penjelasan yang betul tentang konsep insan. Apabila konsep insan ini difahami mengikut Falsafah Pendidikan Negara, barulah proses pendidikan nilai yang menjadi matlamat negara akan terlaksana. Penulis berkeyakinan bahawa pendidikan nilai akan berjaya sekiranya aspek kerohanian ini diberi penekanan yang wajar. Warganegara yang cemerlang dan bertanggungjawab akan terbina jika

setiap insan itu diberi peluang mendapat pendidikan yang sempurna dan menyeluruh iaitu pendidikan yang merangkumi kesemua fakulti insan (intelekt, jasmani, emosi dan rohani)


### Model Penerapan Nilai

Bagaimanakah penerapan nilai dilakukan melalui matapelajaran sekolah?

Soalan ini akan dijawab melalui model yang diterangkan seperti berikut. Model ini dikemukakan berasaskan kepada keyakinan bahawa;

1. Insan terdiri daripada empat domain Al Ghazali (1967), Taylor, P.W. (1961), Maslow, A.H. (1957), Fathi Yakan (1988).
2. Penerapan nilai adalah satu proses tabie Fathi Yakan (1988), Abdullah N.U. (1988) dan Ismail Jusoh (1993).
3. Insan harus mengenali dirinya dan hubungannya dengan sistem alam dan Pencipta Alam.

Dengan asas -asas keyakinan di atas , maka model penerapan nilai digambarkan seperti rajah berikut (Rajah 1).



Rajah 1: Model Penerapan Nilai Melalui Matapelajaran Sekolah



Model ini (Rajah 1) menunjukkan hasil terakhir untuk membangun warganegara yang sempurna dan seimbang serta cemerlang. Warganegara yang cemerlang itu hanya terhasil daripada insan-insan yang mempunyai sahsiah yang seimbang dari semua aspek (juzuk) yang membina insan (jasmani, emosi, rohani dan intelek). Insan seimbang tidak mungkin lahir daripada sistem pendidikan yang hanya memberi penekanan kepada sudut intelek dan jasmani sahaja (sila teliti keadaan akhlak dan moral masyarakat yang mementingkan pembangunan bidang akal dan jasad semata-mata, Abul Hassan A.N. (1977), Maryam, J. (1970), Lipstein, O.J. (1992), Reid, K. (1986) dan Nancy, G. (1991). Selanjutnya insan yang seimbang itu boleh dilahirkan daripada manusia yang mempunyai sistem kepercayaan yang betul iaitu percaya kepada kewujudan Tuhan seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Negara (P.P.Kurikulum, 1987). Apabila kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan tertanam dalam tiap individu insan, mereka dengan sendirinya akan taat, patuh dan cinta kepada Tuhan. Mereka akan tunduk kepada kekuasaan Tuhan. Sifat atau keadaan sedemikian merupakan ciri tabie makhluk yang bernama insan. Pemerhatian dan pengalaman kita sendiri sebenarnya menceritakan keadaan tersebut. Kita boleh lihat bahawa sesorang akan menurut apa saja suruhan orang yang ditakuti, dikasihi atau dihormati. Seorang kekasih mematuhi kata-kata kekasihnya kerana adanya kasih sayang. Oleh itu lahirlah bidalan-bidalan seperti;

Buang emak buang saudara, kerana kasih saya turutkan.

Lautan api lagi ku renangi .....

Contoh-contoh diatas pada hakikatnya menerangkan tabiat (sifat) kepatuhan kerana sayang yang sedia wujud dalam diri setiap insan. Jadi apa yang dapat disimpulkan di sini ialah bahawa setiap insan harus diberi kesedaran, kefahaman dan keyakinan tentang kewujudan Tuhan supaya potensi-potensi yang sedia ada dalam diri insan itu boleh dipupuk dan disalurkan ke arah melahirkan insan yang seimbang dan cemerlang.

### **Penerapan Nilai Melalui Mata Pelajaran Sekolah**

Bolehkah sifat taat, akut, kasih dan cinta kepada Tuhan ditanam melalui mata pelajaran di sekolah-sekolah?

Bagaimanakah ianya dilaksanakan ?

Sebenarnya banyak contoh yang boleh diberikan bagi menjawab soalan di atas. Setiap isi pelajaran boleh dihubung dengan tanda-tanda wujudnya Tuhan. Telitilah contoh-contoh berikut ini (catatan: contoh-contoh yang dikemukakan ini boleh diperkembangkan lagi dalam bilik darjah. Guru boleh mempelbagaikan pendekatan perbincangan. Guru sepatutnya memberi peluang murid berfikir mencari jawapan sendiri dan bukan mengadakan pendekatan bersifat indoktrinasi);

### **Pelajaran Sains**

Fotosintesis merupakan satu contoh tindak balas kimia yang kompleks yang terjadi pada daun hijau. Tindak balas ini berlaku sekiranya terdapat gas karbon dioksida, air, cahaya matahari dan klorofil (bahagian yang ada pada daun). Karbon dioksida boleh diserap daripada udara, air diserap melalui akar tumbuhan daripada tanah dan tenaga cahaya diperolehi daripada matahari yang merupakan salah satu planet dalam sistem cakrawala. Juzuk bahan-bahan yang bertindak balas (fotosintesis) itu hanya bertindak balas mengikut kadar tertentu.

- Persoalan :
- Apakah maksud fotosintesis?
  - Apakah kandungan klorofil?
  - Bagaimanakah fungsi stomata?
  - Siapakah yang mengawal adunan komposisi jujuk bahan yang bertindak balas itu?
  - Siapakah yang memilih cahaya matahari menjadi sumber tenaga utama untuk menjalankan tindak balas itu?
  - Apakah matahari itu?
  - Jika tiada matahari apa yang akan berlaku kepada tumbuhan dan apakah pula kesannya kepada sistem kehidupan yang lain?

### Pelajaran Geografi

Dalam tajuk pelajaran mengenai hujan bukit, pelajar mengkaji kejadian hujan bukit. Angin yang membawa wap air bertiup dari arah pantai atau dari arah lautan menuju ke kawasan banjaran bukit. Angin tersebut akan terdampkan dibukit dan terpaksa naik ke atas atmosfera. Semakin tinggi angin yang membawa wap air tadi semakin sejuk. Angin tersebut mengalami proses kondensasi dan membentuk bintik-bintik air dan akhirnya turun sebagai hujan. Hujan yang turun dikawasan bukit itu akan dibawa ke kawasan yang lebih rendah melalui sungai dan anak-anak sungai. Semua air yang dibawa oleh sungai akan terkumpul sama ada di tasik atau di laut. Apabila hari panas dan cahaya matahari memancar mengenai permukaan air di laut atau di sungai, maka terjadilah proses sejatan. Molekul-molekul air bertukar menjadi wap air yang ringan dan sekali lagi dibawa oleh angin ke kawasan banjaran bukit. Selanjutnya berlakulah proses yang sama seperti yang dihuraiakan di atas tadi.

- Persoalan:
- Bagaimanakah kejadian angin?
  - Apakah maksud tekanan?
  - Apakah yang dimaksudkan dengan wap air?  
Bagaimanakah berlaku kondensasi?
  - Siapakah yang mengarah angin supaya bertiup ke kawasan bukit?
  - Siapakah pula yang menghalakan angin supaya naik ke atmosfera bila terdampkan dengan bukit?
  - Siapakah yang menukarkan wap air menjadi bintik bintik air dan akhirnya turun sebagai hujan?
  - Siapakah pula yang mengarah dan mengawal matahari supaya menyedut wap air di tasik atau di lautan?
  - Apakah peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan kejadian hujan bukit itu terjadi dengan sendiri tanpa kawalan?



## Pelajaran Sejarah

### Campurtangan Inggeris di Negeri Perak

Pembukaan Negeri-negeri Selat menjadikan perusahaan bijih timah di negeri-negeri Melayu terutamanya di Perak menjadi bertambah penting. Rakyat Inggeris terutamanya orang-orang Cina mencurah-curah masuk ke negeri Perak yang terkenal buminya kaya dengan galian itu. Begitu juga rakyat Inggeris itu ramai juga menumpu ke negeri-negeri Melayu yang lain seperti Selangor, Negeri Sembilan (Sungai Ujung) dan Pahang.

Di negeri Perak, rakyat Inggeris itu telah mengambil bahagian yang penting dalam perusahaan itu. Mereka datang ke negeri itu dari Pulau Pinang yang pada masa itu merupakan pintu keluar hasil bijih itu. Mereka bekerja menjadi pelombong dan di Pulau Pinang terdapatlah taukeh-taukeh mereka yang bertanggungjawab bagi mengekspotkan bijih-bijih itu.

Di negeri-negeri Melayu itu terdapatlah raja-raja dan orang-orang besar yang masing-masing ingin menguasai jajahan dalam negeri Melayu itu. Di Perak terdapat orang-orang besar yang mewah hidupnya kerana hasil cukai bijih timah. Di antara mereka ialah Encik Ngah Ibrahim yang menjadi Menteri Larut. Larut ialah suatu kawasan yang terkaya dengan bijih timah itu di Perak. Di sini menjadi tempat tumpuan rakyat Inggeris yang menjadi pelombong-pelombong. Mereka ini berpuak-puak dan keraplah berlaku pergaduhan di antara satu dengan lain puak.

Dalam tahun 1874, Raja Perak yang bernama Sultan Ali telah mangkat. Kemangkatan baginda ini telah menimbulkan keadaan huruhara di Perak kerana rebutan kuasa di antara orang-orang besar Perak. Sepatutnya Raja Abdullah menjadi raja Perak kerana dia sebenarnya berhak mewarisi takhta kerajaan. Oleh sebab baginda tiada pada masa permakaman Raja Ali, ia tidak dilantik. Bendahara Ismail telah dilantik mengambil tempatnya. Perselisihan itu makin menjadi bertambah besar apabila masing-masing yang bertentang itu mendapat sokongan daripada puak-puak Cina, rakyat Inggeris yang memang bertentang itu.

Inggeris pertama kalinya campurtangan dalam hal-ahwal negeri-negeri Melayu apabila Raja Abdullah menjemput Sir Andrew Clark untuk menyelesaikan pergaduhan itu. Rakyat Inggeris di negeri Selat telah lama meminta Inggeris campurtangan dalam hal-ahwal negeri-negeri Melayu. Keadaan huruhara di negeri Melayu kerap menyusahkan mereka

Akhirnya campurtangan Inggeris telah disahkan apabila Raja Abdullah dilantik menjadi Sultan dan bersetuju menerima penasihat Inggeris dan patuh kepada nasihatnya.

(Sumber : Mustapha Ridzuan, 1972)

**Persoalan:** Apakah sifat atau akhlak yang perlu ada supaya negara tidak dikuasai oleh penjajah ?

Bolehkah kejayaan (tamaddun) sesuatu negara didirikan di atas dasar moral rakyat yang rendah dan rosak?

Siapakah yang menggariskan peraturan "akhlak baik manusia maju dan berjaya, akhlak buruk manusia mundur dan hina"?

Dalam contoh-contoh di atas, beberapa soalan yang dapat menggerakkan minda para pelajar berfikir tentang kewujudan dan kekuasaan Tuhan disertakan. Biasanya soalan-soalan begini jarang dibincang oleh guru dalam kelas. Alasan yang diberi ialah tidak cukup masa dan tidak ada dalam sukatan pelajaran. Sebenarnya dengan mengemukakan soalan-soalan yang boleh menyentuh perasaan, fikiran, jasad dan jiwa para pelajar sahalalah yang dapat menanam bibit-bibit nilai murni. Perbincangan yang berfokus kepada dasar Falsafah Pendidikan Negara (kepercayaan kepada Tuhan) inilah yang menjamin dan menjanjikan kejayaan proses penerapan nilai dalam tiap individu pelajar. Dan inilah yang menjadi ciri utama dalam model penerapan nilai seperti yang dicadangkan di atas (lihat Rajah 1).

Apabila para pendidik secara berterusan mengamalkan penerapan nilai melalui pelajaran masing-masing, maka setiap murid sentiasa terdedah kepada kesedaran dan kefahaman tentang kewujudan Tuhan. Ini menghasilkan suatu persekitaran mental, perasaan dan jiwa (kerohanian) yang bersih dan baik di kalangan mereka. Makanan kerohanian (jiwa) para pelajar itu terisi seperti ilmu pengetahuan yang menjadi makanan kepada fakulti akal dan juga seperti zat-zat makanan yang menjadi makanan kepada jasad. Jiwa yang kosong atau yang disajikan dengan makanan yang tidak mengandungi zat yang menjamin jiwa itu sihat, maka lahirlah natijah-natijah yang negatif yang menterjemahkan kekosongan jiwa seperti gejala lepak (buang masa), bohsia, dadah dan lain-lain.

### Penutup

Akhirnya penulis mengharapkan semuga penjelasan melalui model di atas dapat membantu para pendidik khasnya dan ibu bapa amnya memahami konsep pendidikan nilai seperti yang tersirat dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Seterusnya setelah pemahaman konsep ini tersebar merata dalam masyarakat, maka visi untuk melahirkan warganegara yang bertanggungjawab dan mempunyai sahsiah seimbang serta memiliki ciri yang kreatif dan produktif mudahlah terlaksana menerusi pelaksanaan FPN yang berjalan secara berterusan di bilik darjah di semua peringkat persekolahan.

### Rujukan

- Abdullah N.U. (1988), *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*, Pustaka Nasional, Singapura.
- Abul Hassan A.N. (1977), *Islam and The World*, ILFSO, Beirut, Lebanon.
- Al Ghazali (1985), *Falsafah Akhlak*, Penerbitan Alharamain, K. Lumpur.
- Fathi Yakan (1988), *Apa Erti Saya Menganut Islam*, Pustaka Salam, K.Lumpur.
- Ismail Jusoh (1992), *Persepsi Guru Pelatih Terhadap Nilai dan Perlaksanaan Penerapan Nilai*, Kertas Kerja Yang Dibentangkan Dalam Seminar ke 8 JKLKAU di USM, Penang.
- (1993), *Panduan Pengajaran Sains*, Dewan Bahasa dan Pustaka, K.Lumpur.

- Lipstein, O.J. (1992), Is She O.K.?, *Psychological Today*, Sept. - Oct., Vol. 20, No. 5.
- Maryam Jameelah (1970), *Western Civilization Condemned By Itself*, Mohamed Yusuf Khan, Lahore, Pakistan.
- Mustapha Hj. Ridzuan dan A.Rahman M.Yusof(1972), *Pendidikan Bahasa Malaysia Untuk Tingkatan Tiga*, Pustaka Pendidikan, Kluang, Johor.
- Nancy,G.(1991), Office Crimes, *Times*, Oct. 21, 1991.
- Nor Anisah A.Malik (1992), *Konsep Manusia Menurut Pandangan Islam*, Arena Ilmu, K.Lumpur.
- P.P.Kurikulum (1987), *Rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*, Kementerian Pendidikan, K.Lumpur.
- Reid, K. (1986), *Disaffection from School*, Methuen, London.
- Sufean Hussin (1989), *Pengajaran Nilai Dalam Kurikulum*, Fajar Bakti, K. Lumpur.

Alamat surat menyurat/correspondence:

Dr. Ismail Jusoh  
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
11800 Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang